



PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

NOTIS SEBUT HARGA KERJA

SEBUT HARGA PMINT BIL.157/2025

CADANGAN MENAIKTARAF JALAN DAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RTB BAKONG, JENANG, MARANG, TERENGGANU.

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) (**berstatus aktif**), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK (**yang sah tempoh**) dalam **Gred G1 Kategori CE, Pengkhususan CE01 dan CE21**.
2. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **24/6/2025 (Selasa) jam 10.00 pagi**. Pendaftaran akan dibuka bermula jam **9.00 pagi** hingga **10.00 pagi**. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Dewan Besar, Tingkat 3, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu (Koordinat GPS : 5.330277, 103.1362)** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **24/6/2025 (Selasa)** hingga **30/6/2025 (Isnin)** di pejabat **Bahagian Perkhidmatan Teknik, Tingkat 11, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu** dengan menyertakan wang pos/wang kiriman pos/draf bank/tunai berharga **RM50.00** yang dibuat di atas nama **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu**.
4. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor dikehendaki membawa **Cop Rasmi Syarikat, Perakuan/Sijil ASAL Pendaftaran PPK dan SPKK** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** serta ditulis di sudut atas kiri **Nama Dan Nombor Sebut Harga** seperti di atas dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Bilik Urusan Tender dan TTD, Tingkat 11, Menara PMINT** sebelum jam **12.00 tengahari, 1/7/2025 (Selasa)**.
6. Pihak **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu** tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Nama :

KHALIZAN BIN MAHMUD

Jawatan :

Pengurus Besar Pengurusan Teknikal J13
Perbadanan Memajukan Iktisad
Negeri Terengganu

Tarikh :

11 5 JUN 2025